

Telephone: Brunei Students Unit  
(020 7402 0045)  
Brunei Hall  
(020 7402 0953)  
Fax: 020 7262 8406  
Website: [www.upp.org.uk](http://www.upp.org.uk)  
Email: [admin@upp.org.uk](mailto:admin@upp.org.uk)



اوعية فنونتوتة بروني  
**BRUNEI STUDENTS UNIT**  
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM  
LONDON, UNITED KINGDOM  
35-43 NORFOLK SQUARE  
LONDON W2 1RX

Our Ref:  
Your Ref: BSU A/27/1

15 Ramadhan 1441H  
07 Mei 2020M

Yang Mulia  
Penolong Pengarah  
Ketua Bahagian Biasiswa  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam

Tuan,

**PERMAKLUMAN MENGENAI BORANG PERMOHONAN TINGGAL DI BRUNEI HALL  
BAGI SESI PENGAJIAN 2020/2021**

Dengan penuh hormat merujuk mengenai perkara diatas.

Sukacita memaklumkan bahawa Unit Penuntut-Penuntut telahpun mula membukakan permohonan untuk menginap di Brunei Hall bagi sesi pengajian 2020/2021.

Sehubungan dengan itu, sukacita dipohonkan kerjasama pihak Tuan untuk memaklumkan kepada pelajar-pelajar baru yang berhasrat untuk menginap di Brunei Hall untuk menghadapkan permohonan kepada Unit Penuntut-Penuntut sebelum **31hb Ogos 2020**.

Oleh yang demikian, penuntut-penuntut yang berhasrat untuk memohon menginap sebagai Penghuni Tetap adalah dikehendaki untuk melengkapkan borang permohonan yang boleh diperolehi melalui laman sesawang Unit Penuntut-Penuntut: [www.upp.org.uk/forms](http://www.upp.org.uk/forms), dengan menyertakan salinan dokumen-dokumen yang diperlukan dan menghadapkannya melalui emel, [wn@upp.org.uk](mailto:wn@upp.org.uk).

Sekian disampaikan untuk makluman dan apa jua tindakan Tuan mengenainya dan tidak lupa diucapkan terima kasih.

Wassalam

**"Keluarga Kukuh, Teras Masyarakat Sejahtera"**

Dengan hormatnya,

**Pengiran Ali Shafie bin Pengiran Haji Abas**  
Pengarah Pengajian  
Unit Penuntut-Penuntut, London

Sk: Puan Yang Terutama, Pesuruhjaya Tinggi, Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam, London, United Kingdom.